

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1991/92

Mac/April 1992

HSM 211 Sejarah Sosio-Ekonomi Malaysia

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN [8] soalan dalam DUA [2] muka surat.

Jawab EMPAT [4] soalan, TIGA [3] soalan daripada Bahagian A dan SATU [1] soalan daripada Bahagian B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Jawab TIGA [3] soalan

1. "Pemerintah menyediakan kepimpinan dan keselamatan kepada rakyat dan sebagai balasan rakyat menyerahkan taat setia dan tenaga (perkhidmatan) kepada pemerintah". (Hanapi Dollah)

Sejauh manakah anda bersetuju dengan pandangan Hanapi Dollah dalam menjelaskan struktur sosio-ekonomi masyarakat Melayu tradisional?

2. Sejauh manakah andaian John Hobson bahawa "suatu keadaan lebihan pengeluaran dan kekurangan penggunaan" di Eropah pada kurun ke-19, merupakan pendorong utama yang menyebabkan Britain menjajah Semenanjung Malaysia pada kurun tersebut?

3. Pegawai-pegawai British merasakan adalah menjadi tanggung jawab mereka untuk melindungi orang-orang Melayu yang menjadi penduduk tetap negeri ini (Semenanjung).

Sejauh manakah Undang-Undang Tanah Simpanan Melayu berjaya menyelamatkan orang-orang Melayu dari kehilangan tanah?

4. "Kerajaan penjajah hendaklah memikul tanggung jawab yang penting, malah yang paling pokok, kerana mewujudkan pola pekerjaan mengikut kaum". (Lim Teck Ghee).

Sejauh manakah anda bersetuju dengan pendapat ini?

5. Sejauh manakah perkembangan industri semasa penjajahan boleh mewujudkan satu bentuk imperialisme ekonomi dalam negara yang dijajah. Gunakan perkembangan industri getah ataupun bijih timah di masa pemerintahan British di Semananjung sebagai contoh.
6. Walaupun perkembangan jalan raya dan jalan keretapi pada asasnya dibina untuk memudahkan pengangkutan barang-barang eksport dan import, tidaklah dapat dinafikan bahawa masyarakat tempatan turut menikmati faedahnya/

Bahaskan.

BAHAGIAN B - Jawab SATU [1] soalan

7. Mengikut Charles Brooke tanah merupakan hak asasi kaum bumiputra di Sarawak. Sejauh manakah dasar ekonomi semasa pemerintahannya dan pemerintahan Vyner dapat mempertahankan keadaan ini?
8. Cara Syarikat Berpiagam Borneo Utara mentadbir Sabah tidak berbeza dari cara mentadbir sebuah syarikat perdagangan.

Bahaskan.

-ooooOoooo-